

# Ekonomi *gig* trend terbaharu jana pendapatan

DIANGGARKAN seramai 87.4 peratus daripada jumlah populasi di Malaysia menggunakan internet. Secara tidak langsung, ia menunjukkan internet merupakan platform yang sangat penting bagi setiap individu.

Penggunaan internet yang meluas dalam kalangan masyarakat pada hari ini menyebabkan jutaan perniagaan dan peluang pekerjaan baharu muncul bagaikan cendawan tumbuh selepas hujan.

Secara tidak langsung, ia

mewujudkan ekonomi *gig* iaitu pekerjaan sementara atau fleksibel dalam talian dalam kalangan masyarakat di negara ini.

Menurut Pensyarah Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat Universiti Putra Malaysia, Dr. Hizmawati Madzin, ekonomi *gig* membolehkan individu bekerja untuk jangka masa yang pendek dan lebih fleksibel.

“Perniagaan atas talian



HIZMAWATI

atau dikenali sebagai usahawan internet biasanya akan menjalankan perniagaan di hadapan komputer dan menggunakan kuasa internet. Pendek kata kesemua perkara dilakukan oleh sistem secara automatik. Maka, usahawan internet lebih

banyak masa yang terluang untuk perkara-perkara yang lain seperti bersama keluarga, bersosial atau apa sahaja,” jelasnya.

Ujar Hizmawati lagi, kebiasaannya usahawan internet hanya perlu mengiklankan barangan yang dijual di media sosial dan berhubung dengan pelanggan hanya melalui aplikasi dalam talian internet. Justeru, pekerjaan sedemikian dilihat lebih mudah, mempunyai masa yang fleksibel dan lebih menjadi pilihan dalam kalangan masyarakat pada hari ini.

Biarpun begitu, katanya, individu perlu berwaspada akan jenis perniagaan internet yang dilakukan.